

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

STW231 - Pentadbiran Sosial

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan pada semuanya. Soalan No. 1 di Bahagian A adalah wajib. Pilih TIGA (3) soalan lain dari Bahagian B.

Bahagian A

Wajib dijawab.

1. Berdasarkan perbincangan dalam kursus serta pembacaan anda huraikan kefahaman anda mengenai
 - (a) kemiskinan atau
 - (b) keperluan.

(25 markah)

Bahagian B

Pilih TIGA (3) soalan sahaja.

2. Huraikan penerangan mengenai pengeluaran sosial keperluan (social production of needs) berdasarkan apa yang disebutkan oleh Nevitts dan Davies dalam buku Asas-Asas Pentadbiran Sosial oleh Helmuth Heisler.

(25 markah)

...2/-

3. Keadilan sosial adalah salah satu isu yang dihadapi oleh pentadbir sosial dalam penyampaian perkhidmatan sosial. Jelaskan dua (2) gejala yang menjadi halangan besar untuk mempraktikkan keadilan sosial dalam pembahagian sumber. Bagaimana ini boleh diatasi?
(25 markah)
4. 'Struktur birokratik adalah kuasa negatif yang tidak menghiraukan aspek-aspek perikemanusiaan. Oleh yang demikian ia tidak mempunyai tempat yang sah, dalam organisasi perkhidmatan sosial.' Huraikan kesahan dan ketidak kesahan kenyataan ini.
(25 markah)
5. (a) Huraikan faktor-faktor luaran yang beroperasi pada sistem-sistem dalam agensi.
(b) Terangkan secara ringkas mengenai analisa sistem dan kepentingan penggunaannya kepada seorang pentadbir sosial.
(25 markah)
6. Salah satu peranan seorang pentadbir sosial ialah menguruskan rancangan perkhidmatan sosial. Huraikan 3 peringkat pembangunan rancangan serta tugas-pengurusan dalam setiap peringkat berasaskan apa yang diutarakan oleh Rino Patti.
(25 markah)

- oo o0o oo -